

**Soalan No : 18**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
[ INDERA MAHKOTA ]

**TARIKH :** 9.6.2015

**SOALAN :**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kerajaan bersedia menerima pandangan untuk diperkuuhkan Dasar dan Sistem Pendidikan Negara agar ianya lebih relevan dan lebih bermakna dalam menjana masa depan rakyat yang lebih cemerlang dunia akhirat. Diakui ada kejayaan di atas Dasar Pendidikan kini, namun dirasakan ianya perlu dinamik, sejajar dengan dinamik sains, teknologi dan budaya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia komited untuk melaksanakan Transformasi Sistem Pendidikan Malaysia melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia: Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah ( 2013-2025) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai pihak berkepentingan dari dalam dan luar negara termasuk pakar-pakar pendidikan telah diberi

peluang untuk memberi pandangan dan cadangan bagi penambahbaikan sistem pendidikan negara. KPM juga mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak yang diperoleh melalui kaji selidik, sesi dialog, makmal pendidikan, perbincangan meja bulat, bengkel dan sesi pendengaran awam. Mereka yang terlibat merangkumi pakar pendidikan Malaysia dan antarabangsa, pentadbir universiti, Lembaga Pengarah Universiti, komuniti akademik, persatuan yang mewakili pelbagai industri dan majikan, agensi yang berkaitan, guru, ibu bapa, pelajar dan orang awam.

Dapatan yang dikumpulkan telah memberi maklumat penting dalam penyediaan PPPM 2013-2025 dan PPPM (PT) 2015-2025. Bagi memastikan pelaksanaan PPPM dan PPPM (PT) berada di landasan yang betul dan mencapai sasaran yang ditetapkan, pandangan dan cadangan untuk penambahbaikan daripada pelbagai pihak adalah dialukan. KPM sentiasa terbuka menerima sebarang cadangan dan pandangan dari semua pihak bagi memperkuuh sistem pendidikan negara dan mencapai kecemerlangan yang dihasratkan.